



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Director General of Education Malaysia*

**ARAS 8, BLOK E8**

*Level 8, Block E8*

**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**

*Government Complex Parcel E*

**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

*Federal Government Administrative Centre*

**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 9 (2 )  
Tarikh : // Ogos 2023

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 10 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN KURIKULUM BERSEPADU  
TAHFIZ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TUJUAN**

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia.

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bilangan 3 Tahun 2012 bertarikh 26 Jun 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-200, Bilangan 3 Tahun 2012 bertarikh 27 Julai 2012 telah meluluskan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai Kurikulum Kebangsaan. Kurikulum ini juga telah diperkenan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-231 bertarikh 27 Februari 2013.

3. Mesyuarat Profesional Bilangan 33 Tahun 2013 bertarikh 19 Disember 2013 dan Mesyuarat JPP Ke-204, Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 24 Februari 2014 telah meluluskan pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah menengah mulai tahun 2014.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 15 Tahun 2023 bertarikh 22 Jun 2023 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## **PELAKSANAAN**

5. Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini adalah sebagai rujukan pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan kategori sekolah yang berikut:

- 5.1 Sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah berasrama penuh yang melaksanakan TMUA;
- 5.2 sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) yang melaksanakan KBT;
- 5.3 SABK yang melaksanakan pengajian al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab; dan
- 5.4 sekolah agama swasta yang melaksanakan KBT.

6. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pengurusan dan Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Kementerian Pendidikan Malaysia dirujuk dan dipatuhi oleh semua sekolah yang terlibat. Garis panduan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman sesawang KPM di pautan <https://www.moe.gov.my>.

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

## **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasa SPI ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2016: Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah **dibatalkan**.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN  
KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>SENARAI KANDUNGAN .....</b>	<b>1</b>
Pendahuluan.....	3
Latar Belakang .....	3
Matlamat .....	5
Objektif Pelaksanaan KBT.....	5
Tafsiran.....	6
Pengoperasian .....	8
Peranan dan Tanggungjawab Bahagian .....	8
Peranan dan Tanggungjawab Sekolah.....	10
Pelaksanaan dan Pengoperasian KBT di Sekolah Swasta.....	13
Kurikulum .....	13
Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran.....	14
Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran bagi Murid yang telah Khatam Hafazan 30 Juzuk .....	18
Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat al-Quran.....	19
Jadual Waktu Sesi Persekolahan.....	20
Peruntukan Waktu PdP .....	21
Skim Pinjaman Buku Teks.....	22
Bantuan Geran Per Kapita .....	23
Pelantikan dan Kelayakan Guru Tahfiz .....	23
Pentaksiran .....	24
Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah .....	25
Sistem Perekodan Hafazan Murid.....	25
Pendaftaran Calon Sijil Pelajaran Malaysia .....	26
Sijil Tahfiz KPM dan Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan .....	26
Kokurikulum .....	27
Penutup.....	27
<b>TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB .....</b>	<b>28</b>

Konsep.....	28
Pakej Mata Pelajaran Menengah Atas .....	29
Peruntukan Waktu PdP .....	29
Bekalan Makanan Tambahan.....	31
Bahasa Antarabangsa.....	32
Pengambilan dan Kemasukan Murid.....	32
Penutup.....	34
<b>PENGAJIAN AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB .....</b>	<b>35</b>
Konsep.....	35
Matlamat .....	35
Objektif.....	35
Pengoperasian .....	36
Kurikulum .....	36
Pakej Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu .....	37
Skim Pinjaman Buku Teks.....	38
Bantuan Geran Per Kapita .....	39
Bahasa Antarabangsa.....	40
Kokurikulum .....	40
Pelaksanaan Daurah Ilmiah .....	40
Minggu Taaruf.....	41
Pentaksiran dan Pelaporan .....	41
Pengambilan dan Kemasukan Murid ke Tingkatan 4.....	41
Penutup.....	43

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN  
KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Pendahuluan**

1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**Latar Belakang**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat (JKP) Bilangan 3 Tahun 2012 bertarikh 26 Jun 2012 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-200, Bilangan 3 Tahun 2012 bertarikh 27 Julai 2012 telah meluluskan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan KBT sebagai Kurikulum Kebangsaan. Kurikulum ini juga telah diperkenan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali ke-231 bertarikh 27 Februari 2013.

3. Mesyuarat Profesional Bilangan 33 Tahun 2013 bertarikh 19 Disember 2013 dan Mesyuarat JPP Ke-204, Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 24 Februari 2014 bersetuju dengan pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah menengah KPM mulai 2014 dengan menggunakan KBT.

4. Berdasarkan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) sehingga tahun 2022, sebanyak 11 buah sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), empat buah sekolah berasrama penuh (SBP) dan 20 buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) melaksanakan KBT. Pelaksanaan KBT di SMKA dan SBP diintegrasikan dengan pendekatan model ulul albab dan dinamakan sebagai TMUA. Model ini menggunakan tiga pendekatan iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik yang bertujuan melahirkan golongan profesional, teknokrat dan ushawan hafiz yang memiliki pelbagai kemahiran ilmu.
5. Pelaksanaan TMUA di sekolah KPM pada tahun 2014 telah mendapat kelulusan Mesyuarat Profesional Bilangan 33 Tahun 2013 bertarikh 19 Disember 2013 dan Mesyuarat JPP Ke-204, Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 24 Februari 2014. Pelaksanaan KBT di SABK bermula tahun 2015 berdasarkan surat makluman Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz di SABK mulai tahun 2015 bertarikh 20 Januari 2015.
6. Pengajian Al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA) merupakan program khas yang diperkenalkan di Sekolah Menengah Imtiaz Besut, Terengganu sebagai program lanjutan kepada murid aliran tahfiz pada peringkat menengah atas yang menggabungkan KBT, pakej mata pelajaran aliran sains dan pakej pengajian kitab turath. SUUA hanya dilaksanakan di sekolah yang ditentukan sahaja dan tidak dibuka di sekolah swasta. Walau bagaimanapun, murid dari sekolah swasta yang memenuhi syarat boleh membuat permohonan kemasukan ke Tingkatan 4 di sekolah terpilih bagi mengikuti program ini.

7. Pelaksanaan urusan pengambilan murid Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di SMKA yang melaksanakan TMUA dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Islam (BPI) manakala sekolah menengah agama persekutuan (SMAP) dan sekolah berasrama penuh integrasi (SBPI) dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP).
8. Pengambilan murid di SABK yang melaksanakan KBT adalah berdasarkan prosedur pengambilan murid yang ditetapkan oleh lembaga pengelola sekolah (LPS) seperti yang terkandung dalam *Memorandum of Understanding* (MoU).
9. Mesyuarat Pengurusan Bahagian Pendidikan Islam kali ke-288 Bilangan 17 bertarikh 7 November 2022 telah bersetuju bagi menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum Bersepadu Tahfiz sebagai panduan dan rujukan kepada sekolah yang melaksanakan KBT.

## **Matlamat**

10. Pelaksanaan KBT adalah bertujuan melahirkan golongan huffaz yang mengamalkan ajaran Islam dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## **Objektif Pelaksanaan KBT**

11. Pelaksanaan KBT bertujuan melahirkan modal insan seperti yang berikut:

- 11.1. menghafaz dan memahami 30 juzuk al-Quran;
  - 11.2. mahir dalam bidang keagamaan dan profesional berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah;
  - 11.3. berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta kreatif dan inovatif; dan
  - 11.4. berupaya mendekatkan diri dengan Allah, menjalankan hubungan sesama manusia dan kejadian alam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.
- 
12. Pelaksanaan KBT melibatkan kategori sekolah seperti yang berikut:
    - 12.1. SMKA dan SBP yang melaksanakan TMUA;
    - 12.2. SABK yang melaksanakan KBT;
    - 12.3. SABK yang melaksanakan pengajian SUUA; dan
    - 12.4. sekolah agama swasta yang berdaftar dengan KPM atau pihak berkuasa agama negeri (PBAN) yang melaksanakan KBT.

### Tafsiran

13. Berikut adalah tafsiran bagi terma yang digunakan dalam garis panduan ini:
  - 13.1. “**Guru tahfiz**” bermaksud pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) opsyen tahfiz (guru KPM).
  - 13.2. “**Guru halaqah**” bermaksud guru tahfiz yang mengendalikan halaqah (kumpulan) murid.
  - 13.3. “**Qailulah**” bermaksud tidur sebentar sebelum waktu Zuhur.

- 13.4. “**Tahriri hafazan**” bermaksud aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran hafazan baharu dalam buku tahriri yang dilaksanakan pada waktu malam.
- 13.5. “**Hafazan baharu**” bermaksud aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan ditasmik.
- 13.6. “**Tahdir**” bermaksud aktiviti menyemak dan memperkuuh ayat-ayat hafazan baharu murid di hadapan guru secara individu sebagai persediaan sebelum aktiviti tasmik.
- 13.7. “**Tasmik**” bermaksud aktiviti murid memperdengar ayat-ayat hafazan baharu di hadapan guru secara individu.
- 13.8. “**Murajaah**” bermaksud aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz di hadapan guru secara individu atau secara berpasangan atau berkumpulan dengan pengawasan guru tafhiz.
- 13.9. “**Fiqh al-Ayat**” bermaksud aktiviti murid menerangkan inti sari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz.
- 13.10. “**Talaqqi musyafahah**” bermaksud pertemuan antara guru dan murid secara bersemuka pada masa tertentu dan murid menerima pengajaran dengan melihat cara sebutan dan bacaan guru atau guru mendengar bacaan murid dan membetulkan kesalahan mereka.
- 13.11. “**Maqra`**” bermaksud satu perlapan juzuk.

## **Pengoperasian**

14. BPI, BPSBP dan Bahagian Pendidikan Swasta (BPSwasta) bertanggungjawab untuk melaksanakan pengoperasian tahfiz di sekolah bawah pengurusan bahagian masing-masing.

## **Peranan dan Tanggungjawab Bahagian**

15. BPI bertanggungjawab untuk:

- 15.1. membangun dasar dan membina dokumen kurikulum KBT;
- 15.2. menyebar, mengesan kebolehlaksanaan KBT, menyedia bahan sokongan, memberi khidmat nasihat, merancang dan mengawal program peningkatan kecemerlangan;
- 15.3. memantau dan menilai dasar serta pengoperasian KBT di sekolah KPM;
- 15.4. menyediakan unjuran keperluan dan agihan guru tahfiz di sekolah yang melaksanakan KBT; dan
- 15.5. menyelaras latihan guru KBT termasuk guru tahfiz di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM atau PBAN.

16. BPSBP bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan dasar dan pengoperasian KBT selaras dengan garis panduan pengurusan dan pelaksanaan tahfiz yang ditetapkan.

17. Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) bertanggungjawab untuk:

- 17.1. membekalkan buku teks berdasarkan keperluan murid di sekolah KPM yang melaksanakan KBT; dan
- 17.2. memastikan pelupusan al-Quran al-Karim dan al-Quran al-Karim dengan Terjemahan dibuat oleh pihak sekolah mengikut tatacara yang ditetapkan.

18. Lembaga Peperiksaan (LP) bertanggungjawab untuk:

- 18.1. menyediakan garis panduan pentaksiran dan memastikan garis panduan tersebut dipatuhi oleh pihak sekolah;
- 18.2. mengendalikan peperiksaan serta pensijilan tafhiz iaitu Sijil Tafhiz KPM dan Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan kepada murid yang layak; dan
- 18.3. melaksanakan penjaminan kualiti pentaksiran tafhiz KPM.

19. Bahagian Perolehan bertanggungjawab untuk melaksanakan perolehan perkhidmatan membekal makanan bermasak (BMB) secara tender bagi sekolah yang terlibat berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh bahagian/jabatan pendidikan negeri (JPN). Kontrak perkhidmatan BMB bagi sekolah berkenaan akan dimasukkan makanan tambahan yang ditetapkan oleh BPI.

20. BPSwasta bertanggungjawab untuk:
- 20.1. memantau pelaksanaan dasar dan pengoperasian KBT di sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM;
  - 20.2. mengurus proses penubuhan dan kelulusan sekolah swasta yang akan menjalankan KBT; dan
  - 20.3. mengurus isu-isu berkaitan pendaftaran mata pelajaran KBT dalam peperiksaan SPM di sekolah swasta.
21. Institut Pendidikan Guru Malaysia bertanggungjawab untuk:
- 21.1. menyediakan Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan kepada guru kontrak (Contract of Service) bidang tahfiz atau apa-apa kursus lain yang setara dengannya; dan
  - 21.2. menyediakan latihan atau kursus kepada guru kontrak (guru juga boleh mendapatkan kursus daripada agensi lain atau pembekal latihan yang diiktiraf).

### **Peranan dan Tanggungjawab Sekolah**

22. Pengetua bertanggungjawab untuk:
- 22.1. memastikan pengurusan dan pelaksanaan KBT di sekolah mengikut garis panduan yang ditetapkan;
  - 22.2. melantik seorang guru penyelaras KBT dalam kalangan guru tahfiz;

- 22.3. mengesahkan laporan pencapaian prestasi hafazan murid yang disediakan oleh guru penyelaras;
  - 22.4. memastikan jadual bertugas guru untuk aktiviti tahriri hafazan dan hafazan baharu yang dilaksanakan pada kelas malam dipatuhi;
  - 22.5. memastikan guru tahfiz tidak mengajar mata pelajaran lain selain Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran yang boleh mengganggu tanggungjawab mereka;
  - 22.6. memastikan peruntukan waktu bertugas guru tahfiz bermula jam 7:00 pagi hingga 2:30 petang dipatuhi; dan
  - 22.7. memastikan semua guru tahfiz bertugas kelas malam berdasarkan penggiliran yang telah ditetapkan.
23. Guru penyelaras KBT bertanggungjawab untuk:
- 23.1. menyelaras pelaksanaan halaqah murid berdasarkan jumlah guru tahfiz;
  - 23.2. menyediakan jadual bertugas guru tahfiz untuk aktiviti tahriri hafazan dan hafazan baharu;
  - 23.3. menyediakan laporan pencapaian prestasi hafazan murid dan diserahkan kepada guru kanan untuk semakan; dan
  - 23.4. mengemukakan laporan pencapaian prestasi hafazan kepada KPM.

24. Guru tahfiz dan guru halaqah bertanggungjawab untuk:
- 24.1. melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut jadual yang ditetapkan bermula jam 7:00 pagi hingga 2:30 petang;
  - 24.2. melaksanakan aktiviti tahriri hafazan dan hafazan baharu mengikut giliran yang ditetapkan oleh pihak sekolah (guru yang bertugas pada hari tersebut dibenarkan pulang dua jam lebih awal pada waktu persekolahan);
  - 24.3. memantau dan menyelia pelaksanaan aktiviti qailulah dan solat Zuhur;
  - 24.4. merekodkan aktiviti tasmik, murajaah hafazan baharu, murajaah hafazan lama dan murajaah mingguan;
  - 24.5. merekodkan prestasi pencapaian hafazan murid daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5;
  - 24.6. memastikan murid melengkapkan Buku Rekod Prestasi Hafazan Murid (Daftar Hifz al-Quran);
  - 24.7. memastikan Buku Rekod Prestasi Hafazan Murid (Daftar Hifz al-Quran) dibawa bersama-sama untuk diserahkan kepada sekolah baharu sekiranya murid berpindah sekolah;
  - 24.8. melaksanakan bimbingan secara berterusan kepada murid dalam halaqah yang sama daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5; dan
  - 24.9. melaksanakan arahan daripada pentadbir sekolah dari semasa ke semasa.

## **Pelaksanaan dan Pengoperasian KBT di Sekolah Swasta**

25. Sekolah swasta yang melaksanakan KBT perlu mengambil perhatian terhadap perkara seperti yang berikut:

- 25.1. memastikan guru tahniz yang dilantik memiliki kelayakan akademik seperti yang dinyatakan dalam garis panduan ini; dan
- 25.2. mematuhi sepenuhnya garis panduan pengurusan dan pelaksanaan KBT yang ditetapkan oleh KPM.

## **Kurikulum**

26. Pelaksanaan KBT di sekolah menengah KPM menggunakan kurikulum tahniz al-Quran daripada pelbagai institusi pendidikan agama yang diselaraskan oleh KPM, Jawatankuasa Penyelarasaran Pendidikan Islam Kebangsaan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

27. KBT menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran yang disediakan oleh KPM.

28. Mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah yang melaksanakan KBT adalah berdasarkan SPI yang berikut:

- 28.1. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard

Sekolah Menengah (KSSM) Secara Berperingkat-peringkat  
Mulai Tahun 2017; dan

- 28.2. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas) dan Pelaksanaan Paket Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020.

### **Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran**

29. Mata pelajaran Hifz al-Quran dalam KBT menetapkan dua bidang utama, iaitu:
- 29.1. hafazan al-Quran 30 juzuk; dan
  - 29.2. memahami intisari kefahaman ayat (Fiqh al-Ayat).
30. Pelaksanaan hafazan al-Quran merangkumi aktiviti tahriri hafazan, hafazan baharu, tahdir, tasmik dan murajaah.
31. Pelaksanaan aktiviti tahriri hafazan dan hafazan baharu bermula pada jam 7:00 malam hingga 9:00 malam termasuk solat Maghrib dan solat Isyak. Semua aktiviti ini adalah dengan bimbingan guru tahfiz berdasarkan nisbah seorang guru untuk 50 orang murid (1:50).
32. Guru tahfiz yang bertugas bertanggungjawab memastikan setiap murid menulis dan menghafaz ayat-ayat hafazan baharu sekurang-kurangnya satu muka surat sehari.

33. Guru tahfiz juga berperanan sebagai tempat rujukan murid untuk menyemak bacaan serta memantau aktiviti tahriri hafazan dan hafazan baharu.

34. Waktu pelaksanaan aktiviti ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Waktu	Aktiviti
1.	7:00 – 7:30 malam** <b>(30 minit)</b>	Menulis ayat-ayat hafazan baharu sekurang-kurangnya satu muka surat.
2.	7:30 – 7:45 malam** <b>(15 minit)</b>	Menunaikan solat Maghrib.
3.	7:45 – 8:45 malam <b>(60 minit)</b>	Menghafaz ayat-ayat hafazan baharu sekurang-kurangnya satu muka surat .
4.	8:45 – 9:00 malam <b>(15 minit)</b>	Menunaikan solat Isyak.

*\*\* tertakluk kepada perubahan waktu solat*

35. Pelaksanaan tahdir bermula pada jam 7:00 pagi hingga 7:30 pagi dengan bimbingan guru halaqah mengikut nisbah seorang guru untuk sepuluh orang murid (1:10).

36. Pelaksanaan tasmik dan murajaah dilaksanakan bermula pada jam 7:30 pagi hingga 9:30 pagi dengan bimbingan guru halaqah mengikut nisbah seorang guru untuk sepuluh orang murid (1:10).

37. Peruntukan masa aktiviti tasmik adalah selama 40 minit seperti keterangan yang berikut:

Waktu	Aktiviti
7:30 – 8:10 pagi <b>(40 minit)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. murid mengemukakan tahriri ayat hafazan baharu yang ingin ditasmik kepada guru.</li> <li>ii. murid tasmik ayat hafazan baharu sekurang-kurangnya satu muka surat di hadapan guru secara individu.</li> <li>iii. aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.</li> </ul>

38. Peruntukan masa aktiviti murajaah adalah selama 40 minit seperti keterangan yang berikut:

Bil.	Waktu	Aktiviti
1.	8:10 – 8:50 pagi <b>(40 minit)</b>	<p><b>Murajaah (Pengulangan) Hafazan Baharu:</b></p> <p>Murajaah sekurang-kurangnya dua muka surat sebelum muka surat tasmik di hadapan guru halaqah secara individu atau secara berpasangan atau berkumpulan dengan pengawasan guru halaqah.</p> <p><b>Contohnya, sekiranya muka surat tasmik ialah muka surat 20, maka murajaah hafazan baharu ialah muka surat 18 dan 19.</b></p> <p>Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.</p>

Bil.	Waktu	Aktiviti
2.	8:50 – 9:30 pagi <b>(40 minit)</b>	<p><b>Murajaah (Pengulangan) Hafazan Lama:</b> Aktiviti mengulang sekurang-kurangnya satu juzuk sebelum juzuk tasmik.</p> <p><b>Contohnya, jika juzuk tasmik semasa ialah juzuk dua, maka murajaah hafazan lama ialah juzuk satu.</b></p> <p>Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.</p>

39. Pelaksanaan murajaah mingguan (hafazan pada hari pertama hingga keempat) dan Fiqh al-Ayat pada hari kelima minggu pembelajaran adalah seperti yang berikut:

Bil.	Waktu	Aktiviti
1.	7:00 pagi – 8:30 pagi <b>(90 minit)</b>	<p><b>Murajaah Mingguan:</b> Aktiviti mengulang bacaan sekurang-kurangnya empat muka surat meliputi semua muka surat yang telah dihafaz pada minggu tersebut di hadapan guru halaqah secara individu atau secara berpasangan atau berkumpulan dengan pengawasan guru halaqah.</p>
2.	8:30 pagi – 9:30 pagi <b>(60 minit)</b>	<p><b>Fiqh al-Ayat:</b> Aktiviti menerangkan inti sari kefahaman ayat-ayat hafazan yang telah dihafaz oleh murid pada minggu tersebut sebanyak sekurang-kurangnya empat muka surat di hadapan guru halaqah secara individu</p>

<b>Bil.</b>	<b>Waktu</b>	<b>Aktiviti</b>
		atau secara berpasangan atau berkumpulan dengan pengawasan guru halaqah.

**Pelaksanaan Mata Pelajaran Hifz al-Quran bagi Murid yang telah Khatam Hafazan 30 Juzuk**

40. Bagi murid yang telah khatam hafazan 30 juzuk sebelum tempoh lima tahun persekolahan, pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran merangkumi aktiviti seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti / Waktu</b>	<b>Keterangan Aktiviti</b>
1.	Tahriri Hafazan	Aktiviti menyemak/melengkapkan/membuat pembetulan bagi ayat-ayat al-Quran hafazan yang telah ditulis di dalam buku tahriri.
2.	Hafazan Baharu	Aktiviti mengulang ayat-ayat al-Quran yang akan dibaca pada keesokan hari.
3.	Tahdir	Aktiviti menyemak dan memperkuuh ayat-ayat yang telah dihafaz secara individu atau secara berpasangan atau berkumpulan dengan pengawasan guru halaqah sebagai persediaan sebelum aktiviti murajaah.
4.	Murajaah	Aktiviti mengulang semula ayat-ayat yang telah dihafaz di hadapan guru halaqah secara individu atau secara berpasangan

<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti / Waktu</b>	<b>Keterangan Aktiviti</b>
		atau berkumpulan dengan pengawasan guru halaqah sebanyak satu maqra'.
5.	Fiqh al-Ayat	Aktiviti murid menerangkan inti sari kefahaman ayat-ayat murajaah yang dibaca.

41. Guru halaqah bertanggungjawab merekodkan prestasi pencapaian murid khatam hafazan 30 juzuk daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

#### **Pelaksanaan Mata Pelajaran Maharat al-Quran**

42. Mata pelajaran Maharat al-Quran merangkumi bidang yang berikut:

- 42.1. Tilawah;
- 42.2. Tajwid;
- 42.3. Adab al-Quran;
- 42.4. Ilmu Qiraat;
- 42.5. Amali Qiraat; dan
- 42.6. Rasm Uthmani.

43. Maharat al-Quran diajar oleh guru tahniz dengan nisbah seorang guru untuk sepuluh murid (1:10).

44. PdP mata pelajaran Maharat al-Quran adalah di antara jam 9:30 pagi hingga 12:30 tengah hari. Peruntukan waktu minimum PdP untuk Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 adalah sebanyak 64 jam setahun, manakala bagi Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 adalah sebanyak 80 jam setahun.

45. Aktiviti PdP mata pelajaran Maharat al-Quran adalah seperti yang berikut:

- 45.1. bidang Tilawah dilaksanakan secara kaedah talaqqi musyafahah;
- 45.2. bidang Amali Qiraat Sab'ah dilaksanakan secara kaedah talaqqi musyafahah secara individu atau berkumpulan; dan
- 45.3. bidang Adab al-Quran, Tajwid, Manhaj Qiraat Sab'ah dan Rasm Uthmani dilaksanakan secara kaedah halaqah.

46. Agihan bidang mata pelajaran Maharat al-Quran adalah seperti yang berikut:

Bidang	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 3	Ting. 4	Ting. 5
Tilawah al-Quran	✓	✓	✓	✓	
Adab al-Quran	✓				
Tajwid	✓	✓	✓	✓	✓
Manhaj Qiraat Sab'ah				✓	✓
Amali Qiraat Sab'ah				✓	✓
Rasm Uthmani					✓

### Jadual Waktu Sesi Persekolahan

47. Peruntukan jadual persekolahan bagi sekolah yang melaksanakan KBT adalah seperti yang berikut:

Masa	Aktiviti
6:30 - 7:00 pagi	Sarapan
7:00 - 7:30 pagi	Tahdir
7:30 - 9:30 pagi	Tasmik/murajaah dan Fiqh al-Ayat
9:30 - 10:30 pagi	Kelas akademik
10:30 - 10:50 pagi	Rehat/Solat Dhuha
10:50 - 12:50 tengah hari	Kelas akademik
12:50 - 1:10 petang	Rehat/Qailulah*/Makan tengah hari Solat Zuhur
1:40 - 4:20 petang	Kelas akademik
4:20 - 5:00 petang	Rehat/Minum petang Solat Asar
5:00 - 6:30 petang	Rekreasi/Kokurikulum
6:30 - 7:00 petang	Makan malam
7:00 - 9:00 malam	Tahriri hafazan baharu Solat Maghrib dan hafazan baharu Solat Isyak
9:00 - 11:00 malam	Kelas persediaan Minum malam/Bacaan Surah al-Mulk
11:00 malam**	Lampu asrama dipadamkan

**Nota:** Bagi sekolah di Sabah dan Sarawak, penetapan waktu adalah mengikut kesesuaian waktu setempat.

\* Tempoh Qailulah dicadangkan selama 20 minit.

\*\* Mengikut ketetapan pihak sekolah.

### Peruntukan Waktu PdP

48. Peruntukan waktu PdP adalah berdasarkan surat pekeliling ikhtisas seperti yang berikut:

- 48.1. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Secara Berperingkat-peringkat Mulai Tahun 2017; dan
- 48.2. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020.

### **Skim Pinjaman Buku Teks**

49. Murid di sekolah KPM yang melaksanakan KBT mendapat kemudahan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) daripada BSTP seperti yang berikut:
  - 49.1. Al-Quran al-Karim;
  - 49.2. Al-Quran al-Karim dengan Terjemahan;
  - 49.3. Buku Maharat al-Quran; dan
  - 49.4. Buku Rekod Prestasi Hafazan (Daftar Hifz al-Quran)
50. Al-Quran al-Karim dan al-Quran al-Karim dengan Terjemahan dikira sebagai Buku Latihan dan Aktiviti dan perlu dilupuskan mengikut tatacara pelupusan yang ditetapkan.

## **Bantuan Geran Per Kapita**

51. Mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran diberi bantuan Geran Per Kapita (PCG) seperti mata pelajaran dalam Kurikulum Kebangsaan. Kadar PCG bagi mata pelajaran Hifz al-Quran sebanyak RM22.30 dan mata pelajaran Maharat al-Quran sebanyak RM13.80 (Sumber: Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021).

## **Pelantikan dan Kelayakan Guru Tahfiz**

52. Guru tahfiz lantikan KPM disyaratkan sekurang-kurangnya memiliki kelulusan akademik seperti ketetapan yang berikut:

- 52.1. Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat atau dalam bidang Pengajian Islam atau Pendidikan Islam atau Pengajian Bahasa Arab atau bidang-bidang yang berkaitan yang setaraf dengannya daripada Universiti Awam (UA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan atau universiti di luar negara, dan
- 52.2. Sijil Tahfiz yang diiktiraf oleh KPM atau Sijil Tahfiz al-Quran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau Diploma Tahfiz atau Sijil Tahfiz Malaysia (STM) yang dikelola oleh Darul Quran, JAKIM atau Diploma Tahfiz dari Institusi yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- 52.3. Bagi calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Takhassus Qiraat/Tahfiz Wal Qiraat yang diiktiraf oleh MQA dikecualikan daripada syarat pada para 52.2.; dan

52.4. Ikhtisas dalam bidang pendidikan.

53. Guru tahfiz di sekolah swasta yang tidak memenuhi syarat pada para 52 hendaklah sekurang-kurangnya:

- 53.1. memiliki diploma berkaitan tahfiz yang diiktiraf oleh mana-mana PBAN; atau
- 53.2. memiliki sijil Tahfiz yang diiktiraf oleh KPM atau Sijil Tahfiz al-Quran STPM; atau
- 53.3. memiliki sijil tahfiz daripada institusi yang berdaftar dengan PBAN; dan
- 53.4. mengikuti kursus pedagogi dan pentaksiran yang dikelolakan oleh KPM dalam tempoh masa tertentu iaitu selama 20 jam kredit berdasarkan ketetapan di dalam Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bilangan 1 Tahun 2023.

## **Pentaksiran**

54. Ujian Akhir Sesi Akademik bagi mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran dilaksanakan untuk murid Tingkatan 1, 2 dan 3.

55. Pentaksiran bagi mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran dilaksanakan secara berterusan berdasarkan pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) untuk murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

## **Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah**

56. Pelaporan PBD dilaksanakan dua kali setahun yang dijana melalui laporan individu dalam sistem pelaporan yang dibangunkan oleh KPM.

## **Sistem Perekodan Hafazan Murid**

57. Prestasi pencapaian murid perlu direkodkan dalam sistem mengikut ketetapan pentadbir sistem.

58. KPM akan menjana rekod pencapaian murid melalui sistem tersebut untuk menentukan kelayakan murid diberikan Sijil Tahfiz KPM atau Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan.

59. Sekolah swasta perlu mempunyai sistem perekodan hafazan murid yang diselaraskan oleh KPM bagi membolehkan guru mempunyai akses kepada sistem tersebut.

60. Pihak pentadbir sekolah bertanggungjawab melantik guru penyelaras sistem dalam kalangan guru tahfiz.

61. Guru halaqah merekod aktiviti tasmik, murajaah hafazan baharu, murajaah hafazan lama dan murajaah mingguan bermula daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

## **Pendaftaran Calon Sijil Pelajaran Malaysia**

62. Pendaftaran calon bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan dibuat oleh pihak sekolah melalui aplikasi Sistem Pengurusan Peperiksaan Atas Talian atau sistem lain yang dikendalikan oleh LP.

63. Calon yang ingin mendaftar untuk mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran dalam SPM perlu mempunyai pelaporan PBD bagi kesinambungan pelaporan juzuk yang dihafaz bermula daripada Tingkatan 1.

64. Calon sekolah menengah agama negeri (SMAN) dan sekolah swasta yang berdaftar dengan KPM atau PBAN adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan seperti yang berikut:

- 64.1. sekolah menggunakan KBT;
- 64.2. pelantikan guru berdasarkan syarat kelayakan guru tahfiz KPM;
- 64.3. pentaksiran dilaksanakan berdasarkan panduan yang dikeluarkan oleh LP; dan
- 64.4. calon persendirian tidak dibenarkan mendaftar.

## **Sijil Tahfiz KPM dan Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan**

65. Murid yang tamat Tingkatan 5 dan khatam hafazan 30 juzuk akan dianugerahkan Sijil Tahfiz KPM, manakala murid yang menghafaz kurang daripada 30 juzuk akan menerima Pernyataan Keputusan Prestasi Hafazan.

Bilangan juzuk yang telah dihafaz akan dinyatakan dalam pernyataan tersebut.

66. Sijil dan pernyataan ini akan dikeluarkan oleh LP secara berasingan daripada sijil SPM.

67. Murid yang belum khatam hafazan semasa Tingkatan 5 boleh mendaftar untuk Pentaksiran Ulangan Sijil Tahfiz KPM tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh LP (Rujuk Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bilangan 1 Tahun 2023).

## **Kokurikulum**

68. Murid diberi peluang untuk menyertai secara aktif dan memimpin kegiatan kokurikulum sedia ada seperti kelab dan persatuan, pasukan badan beruniform, dan sukan dan permainan berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 2007: Peruntukan Waktu untuk Kegiatan Kokurikulum di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah iaitu sebanyak 180 minit seminggu.

## **Penutup**

69. Garis panduan ini perlu dijadikan manual rujukan utama untuk menyelaraskan pengurusan dan pengoperasian tahfiz di sekolah yang melaksanakan KBT. KPM berharap dengan adanya garis panduan ini, pengurusan dan pengoperasian tahfiz di sekolah dapat dilaksanakan dengan lebih terkawal dan tersusun.

## **TAHFIZ MODEL ULUL ALBAB**

### **Konsep**

1. Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) merupakan gabungan antara kurikulum Kebangsaan, KBT dan kokurikulum dengan menggunakan tiga pendekatan seperti yang berikut:
  - 1.1 Pendekatan Quranik, iaitu kaedah bagi membolehkan murid menghafaz 30 juzuk al-Quran serta memahami kandungannya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) dalam tempoh lima tahun persekolahan pada peringkat menengah.
  - 1.2 Pendekatan Ensiklopedik, iaitu kaedah bagi menyediakan asas kepada murid untuk menguasai pelbagai ilmu dan bahasa, berkemahiran tinggi dan mampu bertindak sebagai pakar rujuk kepada rakan sebaya.
  - 1.3 Pendekatan Ijtihadik, iaitu satu kaedah untuk menyediakan murid yang berupaya memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah dan memaksimumkan keupayaan berfikir aras tinggi, secara kreatif dan inovatif. Murid diberi peluang untuk menyertai dan memimpin kegiatan kokurikulum dengan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak di samping bergiat aktif dalam program khidmat masyarakat. Antara aktiviti kokurikulum yang perlu dilaksanakan berdasarkan

kemampuan sekolah seperti berkuda, berenang, memanah, robotik dan avionik.

2. Pelaksanaan TMUA adalah secara menyeluruh kepada murid-murid di SMKA dan SBP yang terpilih.

### **Pakej Mata Pelajaran Menengah Atas**

3. Murid di sekolah TMUA ditawarkan pakej Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) berdasarkan Panduan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Menengah Atas Mulai Tahun 2020 (Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020).

### **Peruntukan Waktu PdP**

4. Peruntukan waktu bagi sekolah TMUA pada peringkat menengah rendah adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Mata Pelajaran Teras</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
1.	Bahasa Melayu	128
2.	Bahasa Inggeris	80
3.	Matematik	80
4.	Pendidikan Islam	96
5.	Sains	80
6.	Sejarah	32

	<b>Mata Pelajaran Wajib</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
7.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	48
8.	Geografi	32
9.	Reka Bentuk dan Teknologi	32
	Asas Sains Komputer	
10.	Pendidikan Seni Visual	32
	Pendidikan Muzik	
	<b>Mata Pelajaran Tambahan</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
11.	Bahasa Arab	96
12.	Bahasa Antarabangsa	64
	<b>Mata Pelajaran Tahfiz</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
13.	Hifz al-Quran	320
14.	Maharat al-Quran	64
	Perhimpunan	16

5. Peruntukan waktu bagi sekolah TMUA pada peringkat menengah atas adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Mata Pelajaran Teras</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
1.	Bahasa Melayu	96
2.	Bahasa Inggeris	80
3.	Matematik	80
4.	Sejarah	48
5.	Pendidikan Islam	96

	<b>Mata Pelajaran Elektif STEM</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
6.	Matematik Tambahan	96
7.	Kimia	96
8.	Fizik	96
9.	Biologi	96
	<b>Elektif Bahasa</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
10.	Bahasa Arab	96
11.	Bahasa Antarabangsa (Cina/Perancis/Jerman/Korea*/Jepun*) *ditawarkan di SBP sahaja	64
	<b>Mata Pelajaran Tahfiz</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
12.	Hifz al-Quran	320
13.	Maharat al-Quran	80
	<b>Mata Pelajaran Wajib</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
14.	Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan	32
	Perhimpunan	16

### **Bekalan Makanan Tambahan**

6. Murid yang mengikuti TMUA dibekalkan makanan tambahan iaitu kismis, madu dan susu. Makanan tambahan ini dibekalkan sebagai makanan harian dan dimasukkan dalam senarai bahan makanan dalam kontrak perkhidmatan membekal makanan bermasak (BMB).

## **Bahasa Antarabangsa**

7. Murid yang mengikuti TMUA hendaklah mengambil satu mata pelajaran bahasa antarabangsa yang ditawarkan oleh pihak sekolah seperti Bahasa Cina, Bahasa Jerman, Bahasa Perancis, Bahasa Korea atau Bahasa Jepun berdasarkan bekalan guru yang disediakan oleh KPM.

## **Pengambilan dan Kemasukan Murid**

8. Pengambilan dan kemasukan murid Tingkatan 1 di SMKA dan SBP yang melaksanakan TMUA adalah berdasarkan ketetapan seperti yang berikut:

### **8.1 Syarat am:**

- i. warganegara Malaysia beragama Islam;
- ii. mencapai aras toleransi Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK);
- iii. berpotensi cemerlang akademik; dan
- iv. aktif dalam kegiatan kokurikulum.

### **8.2 Syarat khusus:**

- i. pencapaian yang baik dalam jawi dan al-Quran (contoh: program Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) atau Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK); dan
- ii. menduduki Ujian Kelayakan Tahfiz (UKT) dan lulus dengan cemerlang.

9. Pengambilan dan Kemasukan Murid SBP dan SMKA ke Tingkatan 4 TMUA adalah berdasarkan ketetapan seperti yang berikut;

9.1 Syarat umum;

- i. warganegara Malaysia beragama Islam;
- ii. mencapai aras toleransi PKSK;
- iii. berpotensi cemerlang akademik; dan
- iv. aktif dalam kegiatan kokurikulum.

9.2 Syarat khusus:

- i. murid telah mengikuti KBT pada peringkat menengah rendah dan mengambil mata pelajaran Bahasa Arab, Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran;
- ii. cemerlang UKT dan menghafaz sekurang-kurangnya 18 juzuk;
- iii. mencapai sekurang-kurangnya tahap penguasaan (TP) minimum dalam PBD bagi semua mata pelajaran;
- iv. memiliki pelaporan PBD yang lengkap bagi mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran; dan
- v. memiliki Buku Rekod Prestasi Hafazan (Daftar Hifz al-Quran) dan buku tahriri yang lengkap.

10. PKSK terbahagi kepada tiga komponen, iaitu:

- i. Bahagian A: Kecerdasan Insaniah (EQ, SQ dan SSQ);
- ii. Bahagian B: Kecerdasan Intelek (IQ, Pengetahuan Am dan Penyelesaian Masalah); dan
- iii. Bahagian C: Artikulasi Penulisan.

## **Penutup**

11. Garis panduan ini perlu dijadikan rujukan utama untuk menyelaraskan pengurusan dan pengoperasian TMUA di sekolah yang terlibat. KPM berharap dengan adanya garis panduan ini, pengurusan dan pengoperasian KBT di sekolah tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih terkawal.

## **PENGAJIAN AL-SYAHADAH AL-ULYA ULUL ALBAB**

### **Konsep**

1. Pengajian al-Syahadah al-Ulya Ulul Albab (SUUA) ialah gabungan KBT, aliran sains dan pengajian kitab turath untuk murid menengah atas.

### **Matlamat**

2. Matlamat pelaksanaan SUUA adalah untuk melahirkan murid-murid yang seimbang dan cemerlang berdasarkan naqli dan ‘aqli serta ilmu turath. Pelaksanaan SUUA ini juga adalah untuk menyediakan generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam mengikut acuan Malaysia yang menghayati konsep Maqasid Syariah.

### **Objektif**

3. Objektif pelaksanaan SUUA seperti yang berikut:
  - 3.1 Melahirkan generasi pelapis ulama yang pakar dalam agama Islam dan kehidupan;
  - 3.2 Menjana generasi pelapis ulama yang memiliki sahsiah dan keilmuan tinggi yang boleh disamakan dengan tokoh-tokoh Islam ternama; dan
  - 3.3 Membentuk ilmuan Islam sebagai pakar rujuk agama Islam dalam negara dan luar negara.

## **Pengoperasian**

4. Pengoperasian untuk pelaksanaan SUUA yang dicadangkan adalah seperti yang berikut:

- 4.1 Ditawarkan kepada murid menengah atas untuk aliran Sains Tulen dan telah mencapai hafazan al-Quran sekurang-kurangnya 20 juzuk;
- 4.2 Murid akan mempelajari 13 mata pelajaran tetapi hanya akan mengambil 12 kertas mata pelajaran sahaja untuk peperiksaan SPM;
- 4.3 Mata pelajaran Turath al-Quran dan al-Sunnah, Turath Dirasat Islamiah dan Turath Bahasa Arab dimasukkan dalam peperiksaan SPM; dan
- 4.4 Jadual persekolahan murid bermula jam 7:30 pagi hingga 4:30 petang.

## **Kurikulum**

5. Pelaksanaan SUUA menggunakan DSKP yang disediakan oleh KPM.
6. Mata pelajaran yang ditawarkan di sekolah yang melaksanakan SUUA adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (Menengah Atas) dan Pelaksanaan Pakej Mata Pelajaran Mulai Tahun 2020.

## **Pakej Mata Pelajaran dan Peruntukan Waktu**

7. Pakej mata pelajaran SUUA adalah seperti yang berikut:

- 7.1 Mata pelajaran Turath al-Quran dan al-Sunnah iaitu mata pelajaran yang disetarakan dengan mata pelajaran Maharat al-Quran.
- 7.2 Mata pelajaran Turath Bahasa Arab iaitu mata pelajaran yang disetarakan dengan mata pelajaran Bahasa Arab (Lughah Arabiah al-Muasirah).
- 7.3 Mata pelajaran Turath Dirasat Islamiah iaitu mata pelajaran yang disetarakan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam.
- 7.4 Mata pelajaran dan peruntukan waktu yang ditawarkan di sekolah yang melaksanakan SUUA adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Mata Pelajaran</b>	<b>Masa Minimum Setahun (Jam)</b>
1.	Bahasa Melayu	96
2.	Bahasa Inggeris	80
3.	Matematik	80
4.	Sejarah	48
5.	Matematik Tambahan	96
6.	Kimia	96
7.	Fizik	96
8.	Biologi	96
9.	Hifz al-Quran	160
10.	Turath al-Quran dan al-Sunnah	80
11.	Turath Bahasa Arab	96
12.	Turath Dirasat Islamiah	96
13.	Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	32
Perhimpunan		16

## **Skim Pinjaman Buku Teks**

8. Murid yang mengikuti SUUA mendapat kemudahan SPBT yang dibekalkan oleh BSTP iaitu:

- 8.1 Al-Quran al-Karim;
- 8.2 Al-Quran al-Karim dengan Terjemahan;
- 8.3 Kitab-kitab Turath; dan
- 8.4 Buku Rekod Prestasi Hafazan (Daftar Hifz al-Quran).

9. Senarai Kitab Turath SUUA adalah seperti yang berikut:

9.1 Turath Bahasa Arab:

- i. Matan al-Ajurrumiyyah Fi al-Nahu Wa al-Sorf;
- ii. Matan al-Bina' Wa al-Asas; dan
- iii. Al-Tuhfatu al-Saniyyah Bisyarhi al-Muqaddimah al-Ajurrumiyyah.

9.2 Turath al-Quran Wa al-Sunnah:

- i. Tafsir al-Jalalain;
- ii. Matan Tuhfah al-Athfal Wa Matan al-Jazariah Fi al-Tajwid;
- iii. Matan al-Syatibiyyah;
- iv. Taqrib al-Maa'ni Fi Syarhi Hirzu al-Amani Fi al-Qiraat al-Sab'ii;
- v. Al-Manzumah al-Baiquniyyah Fi Mustholah al-Hadis;
- vi. Al-Taqrirat al-Saniyyah Fi Halli alfaz Al-Manzumah al-Baiquniyyah;

- vii. Kitab al-Arbaiin al-Nawawiyyah; dan
- viii. Al-Wafi Fi Syarhi al-Arbaiin al-Nawawiyyah.

9.3 Turath Dirasat Islamiah:

- i. Matan Ummu al-Barahin/Syarah Ummu al-Barahin;
- ii. Mukhtasar Abi Syuja' al-Musamma Matan Ghayah al-Taqrib au Ghayah al-Ikhtisor;
- iii. Fathu al-Qarib al-Mujib Fi Syarhi Alfaz al-Taqrib;
- iv. Bidayah al-Hidayah; dan
- v. Khulasah Nur al-Yaqin.

10. Kitab turath dikira sebagai Buku Latihan dan Aktiviti dan perlu dilupuskan mengikut tatacara pelupusan yang ditetapkan.

11. Murid-murid akan menggunakan al-Quran al-Karim dan al-Quran al-Karim dengan Terjemahan yang telah dibekalkan oleh KPM semasa pada peringkat menengah rendah.

**Bantuan Geran Per Kapita**

12. Mata pelajaran bagi pelaksanaan SUUA diberi bantuan geran per kapita (PCG) mata pelajaran dalam Kurikulum Kebangsaan. Kadar PCG bagi mata pelajaran tersebut boleh dirujuk pada Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021: Pengurusan Kewangan Bagi Peruntukan Bantuan Persekolahan Umum Kementerian Pendidikan Malaysia.

## **Bahasa Antarabangsa**

13. Bahasa antarabangsa dilaksanakan dalam aktiviti kokurikulum.

## **Kokurikulum**

14. Murid diberi peluang untuk menyertai secara aktif dan memimpin kegiatan kokurikulum sedia ada seperti kelab dan persatuan, pasukan badan beruniform dan sukan permainan.

15. Kegiatan kokurikulum sedia ada ini diperkuuhkan dengan aktiviti seperti berkuda, berenang, avionik, robotik, memanah dan lain-lain berdasarkan kemampuan sekolah.

## **Pelaksanaan Daurah Ilmiah**

16. Pelaksanaan Daurah Ilmiah merupakan sebahagian daripada aktiviti bagi memperkuuh penguasaan pengajian kitab turath. Daurah ini perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya lima kali dalam sesi persekolahan.

17. Pengisian yang dicadangkan dalam Daurah Ilmiah tersebut seperti kelas tutorial, penyediaan dan penulisan kajian ringkas dan sesi talaqi musyafahah yang dikendalikan oleh guru dalam kumpulan yang disusun oleh penyelaras daurah tersebut.

## **Minggu Taaruf**

18. Minggu taaruf perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi memberi pendedahan mengenai adab belajar, metodologi pengajian turath, biodata pengarang kitab, kaedah mengekal hafazan dan lain-lain. Program ini dilaksanakan mengikut kesesuaian pihak sekolah.

## **Pentaksiran dan Pelaporan**

19. LP akan menyediakan dan melaksanakan semua keperluan peperiksaan SPM bagi pakej mata pelajaran SUUA.

## **Pengambilan dan Kemasukan Murid ke Tingkatan 4**

20. Pengambilan murid SUUA adalah seperti yang berikut:

### **20.1 Syarat pemohon dan kelayakan:**

- i. warganegara Malaysia beragama Islam;
- ii. murid yang mengikuti KBT dari sekolah KPM, sekolah/institusi pendidikan bawah PBAN/yayasan/agensi berkaitan dan sekolah agama swasta yang berdaftar dengan KPM atau PBAN;
- iii. menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya 20 juzuk dan mendapat perakuan dari pihak sekolah;
- iv. calon akan melalui proses temu duga yang diadakan di pusat terpilih;
- v. pemilihan calon turut dinilai berdasarkan:

- a. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
  - b. Pentaksiran Psikometrik (PPSi);
  - c. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK); dan
- vi. bersetuju mengikuti program ini sehingga tamat Tingkatan 5.

20.2 Permohonan SUUA adalah bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Islam.

20.3 Prosedur temu duga:

- i. pemilihan calon yang layak akan ditentukan oleh jawatankuasa pengambilan dan pemilihan murid di BPI;
- ii. temu duga akan dilaksanakan dan diselaraskan oleh BPI; dan
- iii. keputusan permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dikeluarkan di seluruh negara mengikut tarikh yang ditetapkan oleh KPM.

20.4 Pendaftaran

- i. murid hendaklah mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan dalam surat tawaran; dan
- ii. murid dianggap menolak tawaran sekiranya gagal mendaftar dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pendaftaran.

## **Penutup**

21. Garis panduan ini perlu dijadikan rujukan utama untuk menyelaraskan pengurusan dan pengoperasian SUUA di sekolah yang terlibat. KPM berharap dengan adanya garis panduan ini, pengurusan dan pengoperasian SUUA di sekolah dapat dilaksanakan dengan lebih terkawal.